

28 SEP 1999

Samy-masalah

MIC TANGANI MASALAH DENGAN SIKAP BARU, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata parti itu akan menggugurkan kaedah "bertahan" tetapi akan menggunakan kaedah "bertindak" dalam menangani masalah masyarakat India di negara ini.

"Kita tidak lagi akan menggunakan kaedah bertahan. Kita akan menggunakan kaedah bertindak," katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC selama empat jam di ibu pejabat parti itu di sini.

Menyifatkan mesyuarat hari ini sebagai serius, Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata parti itu mesti berada dalam kedudukan "jika sesiapa bertanya kepada kita, kita mesti menyoal balik mereka."

"Itulah sikap baru kita," katanya sambil menafikan ia sebagai respons terhadap tuduhan ke atas parti itu oleh pembangkang.

"Kita akan menjawab dakwaan pembangkang dan kita juga akan mendapatkan maklumat berkaitan perkara yang sama," kata Samy tanpa menjelaskan apa yang dimaksudkannya.

"Kita tidak perlu takut dengan sesiapa dan kita tidak perlu bimbang dengan apa yang akan berlaku."

"Kita adalah ahli politik yang matang. Kita bersedia untuk menghadapi cabaran walaupun pilihan raya umum akan diadakan. Menang atau kalah, kita akan lakukan," katanya.

Samy Vellu berkata MIC dan wakil rakyatnya akan berjuang untuk membuktikann Barisan Nasional (BN) sebenarnya membantu masyarakat India di negara ini."

Beliau berkata beberapa anggota MIC yang tidak berpuas hati telah menyertai parti pembangkang dan membuat tuduhan terhadap MIC, dan BN akan "mendapat jawapan yang sebenar daripada kita."

"Jika mereka (pembangkang) mahu bertanding 15 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tujuh kawasan Parlimen yang dimenangi MIC (dalam pilihan raya yang akan datang) kita alu-alukan dan kita akan menentang mereka," katanya.

Samy Vellu berkata ramai anggota CWC telah menyuarkan kebimbangan mereka tentang apa yang akan terkandung dalam laporan akhir Majlis Perunding Ekonomi Kebangsaan II (NECC II).

"Secara am, kita (masyarakat India) belum lagi memenuhi syarat (setakat ini), katanya.

Ditanya apa yang dimaksudkannya dengan syarat, beliau berkata "sejenis tindakan yang berkesan" sepatutnya telah diambil untuk meningkatkan standard kehidupan dan penyertaan ekuiti masyarakat India dalam dasar dan pelan induk kerajaan sebelum ini.

Memberikan contoh, beliau berkata walaupun data rasmi menunjukkan terdapat tahap memuaskan kemasukan pelajar India ke universiti-universiti tempatan, kajian yang dilakukan oleh MIC menunjukkan perkara yang berlainan.

"Apabila perkara semacam ini berlaku, kita mesti melakukan sesuatu untuk masyarakat India," katanya.

Samy Vellu juga mengumumkan siri aktiviti yang akan dianjurkan MIC.

Beliau berkata selain Ceramah Perdana yang sedang diadakan di seluruh negara, parti itu juga akan mengadakan Ceramah Perdana peringkat kebangsaan di sini, yang akan disertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Samy Vellu berkata parti itu juga akan mengadakan mesyuarat khas dengan ketua-ketua bahagian MIC tidak lama lagi untuk mendapatkan maklum balas

berkaitan jumlah masyarakat India yang masih hidup dalam kemiskinan.

"Kami akan mengedarkan soal selidik kepada mereka dan hasilnya akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi dan MAPEN II," katanya.

Beliau berkata parti itu percaya terdapat kira-kira 5,000 masyarakat India yang masih hidup dalam kemiskinan.

Berkaitan gaji bulanan untuk pekerja estet, Samy Vellu berkata MIC akan menyiapkan laporan berkaitan perkara itu dan akan mengemukakannya kepada Kabinet untuk tindakan selanjutnya.

-- BERNAMA

ES RI